

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

Penjawat awam harungi tsunami digital

Perkembangan pesat dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terus mengubah landskap sekali gus mencipta naratif baharu dalam dunia pekerjaan di seluruh dunia. Baik pekerja korporat, penjawat awam mahupun ahli perniagaan dan usahawan hampir semuanya tidak dapat mengelak daripada berhadapan dengan cabaran tsunami digital yang semakin merebak dalam semua bidang pekerjaan dan perkhidmatan utama.

Perkhidmatan awam dan penjawat awam di negara ini, misalnya yang berperanan sebagai agen perubahan masyarakat dilihat berada pada ambang 'wajib' memahami dan menyediakan diri untuk berhadapan dengan cabaran kemahiran digital ini.

Ia penting kerana kegagalan kita berubah dan memperlengkappkan diri dengan pelbagai kemahiran digital yang diperlukan bukan saja akan merugikan diri, malah turut akan menjelaskan aspek penyampaian perkhidmatan yang efisien kepada rakyat. Ia selari dengan jangkaan dan harapan rakyat yang mahukan perkhidmatan yang lebih baik dan sentiasa melalui proses penambahbaikan berterusan mengikut keperluan dan peredaran zaman.

Perlu diingat, hari ini kita bercakap mengenai cabaran era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) serta pelbagai perubahan yang dicetuskan oleh ledakan teknologi maklumat dan komunikasi seperti kecerdasan Internet of Things (IoT) dan juga perkembangan dalam kecerdasan buatan (AI).

Penjawat awam perlu sedar betapa kita tidak boleh menghalang perubahan besar dan mendadak seperti ini daripada terus berlaku dan realitinya kita terpaksa mengharungi cabaran dan debaran ini dalam persekitaran kekangan sumber yang amat terhad.

Apa yang pasti itu bukan alasan bijak untuk berpeluk tubuh dan tidak melakukan perubahan dalam diri dan juga dalam sistem penyampaian perkhidmatan setiap agensi kerajaan.

Dalam konteks ini, kita memuji inisiatif dan langkah proaktif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang melancarkan Digital Competency and Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam baru-baru ini. Ia inisiatif kerajaan untuk membangunkan kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam dalam usaha memberi penyampaian terbaik kepada rakyat.

Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah, rangka DGCCR itu memberi penekanan kepada

pemantapan lapan keupayaan individu dan 17 keupayaan organisasi yang diharapkan dapat menghasilkan penjawat awam yang berpengetahuan bagi menghadapi keperluan kerajaan pada masa akan datang.

Tambah beliau lagi, DGCCR diharap berupaya membawa perubahan secara efektif dan menyumbang ke arah kecemerlangan sesbuah organisasi melalui penjawat awam yang berminda digital. Ringkasnya DGCCR dibangunkan bagi mengatasi kekurangan kakitangan yang berkompotensi dan berkemahiran dalam menerajui kerajaan digital yang memberikan perkhidmatan digital berimpak tinggi serta berpaksikan rakyat.

Tatkala kerajaan berusaha merapatkan jurang digital dalam kalangan rakyat melalui pelbagai inisiatif seperti inisiatif siber Malaysia untuk membawa rakyat lebih dekat dengan manfaat maklumat digital, langkah membangunkan DGCCR ini cukup signifikan, selari dan bertepatan.

Hakikatnya penjawat awam adalah nadi dan jentera pentadbiran kerajaan jadi kelompok pekerja ini sudah semestinya perlu didedahkan dan dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran digital yang diperlukan. Jadi besarlah harapan kita agar DGCCR ini akan membangun dan melahirkan kelompok bakat berkemahiran digital yang diperlukan perkhidmatan yang terbaik.

Paling penting sekarang penjawat awam perlu segera buang jauh-jauh budaya takut kepada perubahan dan teknologi.

Generasi pekerja yang ada pada hari ini

sepertunya celik IT dan bersedia

menimba pelbagai kemahiran

digital yang sesuai dan relevan

dengan skop tugas

Kajian Prospek Pekerjaan 2019 Jobstreet.com menyenaraikan lima bidang utama yang berkaitan dengan kemahiran digital yang dikehendaki majikan iaitu, pemasaran digital, perisian dan pembangunan aplikasi, e-dagang, big data dan analisis serta kemahiran pangkalan data.

Jadi, kita percaya dalam usaha mewujudkan kerajaan digital, inilah juga antara kemahiran digital penting yang turut diperlukan dalam perkhidmatan awam. Ia menunjukkan kemahiran digital bukan lagi milik graduan atau juruteknik yang berkelulusan bidang sains komputer semata-mata sebaliknya semua pekerja perlu memahirkan diri jika ingin terus kekal relevan dalam bidang pekerjaan masing-masing.

Mengambil kira senario dan perkembangan ini, maka apa pilihan yang penjawat awam ada? Sebenarnya penjawat awam kini tidak mempunyai banyak pilihan melainkan perlu bekerja keras mengasah bakat dan kemahiran yang baru iaitu kemahiran digital supaya mampu terus memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Paling penting sekarang penjawat awam perlu segera buang jauh-jauh budaya takut kepada perubahan dan teknologi. Generasi pekerja yang ada pada hari ini sepertunya celik IT dan bersedia menimba pelbagai kemahiran digital yang sesuai dan relevan dengan skop tugas

masing-masing. Untuk itu setiap penjawat awam perlu berlapang dada menerima kenyataan kita perlu mencari ruang dan peluang untuk menambah pengetahuan dan kemahiran dengan segera.

Antara cara untuk berbuat demikian ialah perlu rajin mencari dan menghadiri kursus dan latihan intensif berbentuk hands-on.

Kemahiran yang diperlukan hanya boleh dicapai melalui latihan yang berterusan dan konsisten di samping melalui budaya pembacaan dan bahan bacaan yang relevan. Ambillah peluang kemudahan kursus dan menghadiri latihan yang disediakan setiap agensi untuk memantapkan kemahiran digital.

Dalam konteks ini, kita perlu bijak memilih kursus, latihan dan bidang kemahiran digital yang bersesuaian dan diperlukan oleh agensi bukan saja pada hari ini tetapi untuk masa hadapan.

Bincanglah dengan ketua jabatan supaya dapat mengenalpasti kemahiran yang diperlukan oleh agensi masing-masing.

Dalam hal ini, ketua jabatan juga perlu memainkan peranan dengan mengenalpasti kekurangan dan kelemahan kemahiran yang ada pada setiap kakitangan melalui analisis keperluan latihan supaya dapat menyediakan perancangan jadual latihan yang diperlukan secara komprehensif.

Bukan itu sajalah, ketua jabatan juga perlu sentiasa menggalakkan kakitangan menghadiri kursus

yang diperlukan, jangan sesekali menyekat atau menghalang mereka atas alasan ketiadaan peruntukan mahupun akan mengganggu tugas di pejabat.

Melihat ke hadapan perkhidmatan awam sewajarnya sudah boleh memikirkan bakat yang diperlukan untuk masa hadapan. Berteraskan kepada agenda itu, pelantikan anggota perkhidmatan awam yang baru wajar dibuat dengan lebih terancang dan berfokus kepada bakat dan kemahiran yang diperlukan oleh kerajaan digital.

Perkara ini sepatutnya tidak menjadi masalah yang besar kerana setiap tahun kita mengeluarkan bilangan graduan yang ramai dan ini membolehkan kita mempunyai lebih banyak pilihan. Menyedari hakikat ini, perkara ini juga sewajarnya mencetuskan cabaran kepada setiap bakal graduan di negara ini.

Mahasiswa di IPT yang bercita-cita menjadi penjawat awam masih mempunyai ruang dan peluang melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran digital. Gunakan tempoh masa yang ada untuk mengikuti segala jenis kursus kemahiran digital yang ditawarkan supaya dapat menarik minat majikan apabila bergekar mahasiswa kelak.

**Penulis Timbalan Pengarah
Pejabat Strategi Korporat
dan Komunikasi Universiti
Putra Malaysia**

Oleh Juragan

Dialog Kotaraya

